SAMBUTAN HARI KOPERASI NEGARA PERINGKAT NEGERI SARAWAK 2022

20 Jun 2022 – Koperasi Koperkasa Sarawak Berhad (KOPERKASA) menerima anugerah Koperasi Terbaik bagi tahun 2022 oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia hari ini.

Anugerah tersebut telah disampaikan oleh Datuk Amar Haji Awang Tengah Bin Ali Hasan, Timbalan Premier Sarawak kepada Fathi Bin Haji Hambali, Pengerusi KOPERKASA di Majlis Perasmian Sambutan Hari Koperasi Negara Peringkat Negeri Sarawak 2022 (HKNPNS22) bertempat di Dewan Masyarakat Serian.

Bersama anugerah tersebut, KOPERKASA juga menerima wang hadiah berjumlah Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000) berserta sijil pengiktirafan dan plak penghargaan.

Selain itu, Koperkasa turut menerima tawaran Tabung Modal Pusingan Suruhanjaya Negeri Sarawak (TMPSKM) berjumlah Ringgit Malaysia sepuluh juta (RM10,000,000).

Semasa sambutan yang berlangsung selama 3 hari mulai 19 hingga 21 Jun 2022 itu, KOPERKASA bersama koperator lain turut mengadakan pameran dan promosi di sekitar tapak pesta.

Turut sama hadir mewakili KOPERKASA adalah beberapa orang Anggota Lembaga Koperkasa iaitu Othman Bin Bujang (Setiausaha), Yong Ing Thung (Bendahari), Haji Omar Bahrein Bin Unin, Raden Amri Bin Raden Othman, Mustapha Bin Bakar, Richard Engan Ang dan juga Pengurus Besar KOPERKASA, Haji Jaya Suria Bin Muss.

Turut Hadir ke majlis hari ini adalah YB Dato' Sri (Dr) Richard Riot ak Jaem, Duta Khas Perdana Menteri ke Jepun, Republik Korea & Taiwan merangkap Ahli Parlimen P.199 Serian, beberapa orang YB ADUN Kawasan setempat, wakil kementerian, pengurusan tertinggi SKM, Ketua-ketua Agensi KUSKOP Negeri Sarawak, Ketua-ketua Jabatan/Agensi Persekutuan dan Negeri di Bahagian Serian serta koperator-koperator seluruh negeri Sarawak.

Gambar-gambar aktiviti semasa Hari Koperasi Negara Peringkat Negeri Sarawak 2022

Fathi Bin Haji Hambali (Pengerusi KOPERKASA) menerima replika cek daripada Datuk Amar Haji Awang Tengah Bin Ali Hasan, Timbalan Premier Sarawak. Turut bersama di sebelah kanan Pengerusi adalah Othman Bin Bujang (Setiausaha KOPERKASA)

Yong Ing Thung (Bendahari KOPERKASA) menerima replika cek Tabung Modal Pusingan SKM (TMPSKM) daripada Datuk Amar Haji Awang Tengah Bin Ali Hasan, Timbalan Premier Sarawak

Gambar-gambar aktiviti semasa Hari Koperasi Negara Peringkat Negeri Sarawak 2022

Para koperator yang menerima anugerah

Gambar-gambar aktiviti semasa Hari Koperasi Negara Peringkat Negeri Sarawak 2022

Sebahagian daripada Anggota Lembaga yang hadir bersama-sama Perwakilan dan kakitangan KOPERKASA

Gambar-gambar aktiviti semasa Hari Koperasi Negara Peringkat Negeri Sarawak 2022

Fathi Bin Haji Hambali, Pengerusi KOPERKASA menyerahkan cenderahati kepada YB Encik John Anak Ilus, ADUN N.23 Bukit Semuja yang sudi meluangkan masa melawat gerai pameran KOPERKASA

Gambar-gambar aktiviti semasa Hari Koperasi Negara Peringkat Negeri Sarawak 2022

Pengerusi dan Setiuasaha bersama Kakitangan KOPERKASA yang bertugas

Pengerusi dan Setiausaha meluangkan masa melawat gerai pameran di tapak pesta

Gambar-gambar aktiviti semasa Hari Koperasi Negara Peringkat Negeri Sarawak 2022